Utusan Borneo : 25 November 2026

Lelaki warga asing salah guna dadah didenda RM3,000

MIRI: Seorang lelaki warga asing didenda RM3,000 atau tiga bulan penjara oleh Mahkamah Majistret di sini, semalam kerana terlibat dalam kegiatan penyalahgunaan dadah.

Tertuduh, Yeri Hutapea, 25, dari Kalimantan Barat, Indonesia, didakwa mengikut Seksyen 15 (1) (a) Akta Dadah Berbahaya (ADB) 1952 dan dihukum di bawah Seksyen 15 (1) akta yang sama.

Mengikut kesalahan itu, tertuduh boleh didenda sehingga RM5,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun dan serta-merta dikehendaki menjalani pengawasan oleh pegawai sebagaimana ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 selama tempoh tidak kurang dari dua tahun dan tidak melebihi tiga tahun mengikut Seksyen 38B ADB 1952.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati menggunakan dadah berbahaya jenis 3,4-methylenedioxymethamphetamine (MDMA) yang tersenarai di dalam Jadual Pertama ADB 1952 (Akta 234), dengan cara memasukkan dadah tersebut ke tubuh badan sendiri tanpa kebenaran pihak berkuasa.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 7.35 pagi, 30 Ogos lalu di pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah Miri.

Pendakwaan kes dikendalikan pegawai pendakwa Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman di hadapan Majistret Umi Syukriah Harun, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.